

# Alumni Kelab UMNO didaftar sebagai NGO

UM - 6 AUG 2003

**K**UALA LUMPUR 5 Ogos — Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara adalah pertubuhan yang didaftarkan sebagai badan bukan kerajaan (NGO) dan bukan sayap bagi UMNO seperti didakwa oleh Pas dalam lidah rasminya, *Harakah* keluaran terbaru.

Pengerusinya, Datuk Noh Omar berkata, ia menggunakan nama UMNO kerana dianggap oleh ramai golongan profesional dan intelektual Melayu yang merupakan bekas ahli kelab UMNO di luar negara.

“Oleh yang demikian, tidak menjadi kesalahan bagi mana-mana penjawat jawatan dalam kerajaan menjadi ahli jawatankuasa pertubuhan ini kerana penubuhan dan pergerakannya adalah bersifat sebuah pertubuhan NGO,” katanya ketika mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di sini hari ini.

Noh mengulas dakwaan *Harakah* bahawa Mufti Wilayah Persekutuan, Prof. Dr. Mohd. Yusof Hussein

dan Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah merupakan ahli dan penggerak UMNO selaku Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Alumni Kelab UMNO Luar Negara.

Lidah rasmi Pas itu menyatakan, orang ramai tidak perlu terkejut dengan kenyataan yang bukan-bukan dan membela UMNO sepenuhnya oleh Mohd.

Yusof dan Ibrahim kerana mereka adalah ahli dan penggerak UMNO.

Pada lawatan hari ini, Noh mengadakan pertemuan dengan Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Sirajudin Rafia, Penolong Pengarang Utusan Malaysia, Ahmad Abdul Hamid dan Faridah Hitam, Ketua Penyunting Utusan Malaysia, Ahmad Kamal Zailani, Pengarang Berita, Othman Mohamad dan Penolong Pengarang Berita, Kamarulzaman Mohamad.

Noh yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri berkata, laporan *Harakah* itu amat tidak tepat dan bertujuan mengelirukan masyarakat.

Beliau berkata tindakan memburuk-burukkan kedua-dua tokoh itu dilakukan bagi menjejaskan kredibiliti mereka.

Katanya, ini kerana Mohd. Yusof dan Ibrahim merupakan tokoh intelektual dan profesional Melayu yang sering membuat kenyataan akhbar bersifat rasibnal dan berwibawa berhubung isu-isu yang di-

utarakan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

“Pas melihat tokoh-tokoh yang berani seperti ini sebagai ancaman kepada Pas. Jika mereka lihat tokoh-tokoh ini ada kekuatan untuk menentang mereka, maka mereka lihat tokoh ini sebagai musuh,” katanya.

Malahan Noh berkata, kedua-dua tokoh berkenaan telah lama menjadi ahli jawatankuasa itu, iaitu sebelum mereka menyanggah jawatan yang dipengang pada waktu ini.

Menurutnya, pertubuhan itu didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan pada 15 Mei 2000 dengan nombor pendaftaran PPM/WP188/00 (5).

“Nama UMNO diguna pakai setelah mendapat kebenaran Presiden UMNO. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,” katanya.

Noh berkata, pertubuhan itu tidak bermotifkan politik tetapi sebaliknya bertujuan mengumpulkan bekas-bekas pelajar luar negara yang pernah aktif dalam aktiviti pelajar.